

5,000 kes baharu penyakit buah pinggang setiap tahun

PETALING JAYA – Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) menganggarkan sekurang-kurangnya 5,000 kes baharu penyakit kegagalan fungsi buah pinggang dicatatkan di negara ini pada setiap tahun.

Naib Pengerusi NKF Malaysia merangkap Perunding Nephrologi Pusat Perubatan Sunway, Dr. T. Thiruventhiran berkata, daripada jumlah itu, lebih 60 peratus daripada mereka merupakan penghidap diabetes.

“Di Malaysia kebanyakan pesakit buah pinggang berumur antara 50 hingga 65 tahun mempunyai diabetes, tekanan darah tinggi dan masalah kolesterol.


“Meskipun pemindahan buah pinggang merupakan rawatan pilihan bagi kebanyakan pesakit kategori ini, namun bilangan penderma or-

gan yang sedikit telah menghadkan bilangan pembedahan berkenaan,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis Pelancaran Kempen ‘30 Days to Happy Kidneys’ di Pusat Perubatan Sunway di sini semalam.

Thiruventhiran berkata, jika penyakit itu tidak dibendung daripada awal, bilangan keseluruhan pesakit diabetes dijangka terus meningkat sebanyak 50 peratus menjelang tahun 2035 atau 20 tahun lagi.

Dalam pada itu, Kempen ‘30 Days to Happy Kidneys’ diadakan sempena sambutan Hari Diabetes Sedunia dan bertemakan Penghapusan Diabetes.

Orang ramai yang ingin mengemukakan bantuan dan sumbangan NKF boleh hadir ke Pusat Perubatan Sunway atau melayari www.peoplegiving.org untuk mendapatkan maklumat lanjut.



THIRUVENTHIRAN (dua dari kanan) bersama Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Perubatan Sunway, Choo Voon Chee (tengah) hadir pada Majlis Pelancaran Kempen ‘30 Days to Happy Kidneys’ di Pusat Perubatan Sunway, Petaling Jaya semalam.